

0147

U B934 DEB
MAHATHIR - PEKERJA

KUALA LUMPUR, 30 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU SEMUA PIHAK KHUSUSNYA PARA PEKERJA SUPAYA TERUS MENJAGA DAN MENINGKATKAN LAGI SUASANA EKONOMI YANG BAIK DI NEGARA INI.

DALAM PERUTUSANNYA SEMPENA PERAYAAN HARI PEKERJA ESOK, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SEDAR TENTANG BETAPA PENTINGNYA KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN DAN SENTIASA BERUSAHA MENARIK PELABURAN BAGI MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN BARU.

BELIAU JUGA BERKATA RAKYAT NEGARA INI HARUS SEDAR BAHAWA MEREKA TIDAK BOLEH MENIRU SEMUA AMALAN NEGARA MAJU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA MAJU KINI SEDANG MEMIKIRKAN SEMULA AMALAN-AMALAN MEREKA SETELAH MENYEDARI BAHAWA KEMAJUAN YANG MEREKA CAPAI TIDAK AKAN KEKAL SENDIRINYA.

NEGARA-NEGARA TERSEBUT TERPAKSA MENYEMAK SEMULA FALSAFAH DAN KAEDAH AMALAN MEREKA DAN DALAM BEBERAPA ASPEK, TERPAKSA BERBALIK SEMULA KEPADA PENDEKATAN YANG DIGUNAKAN SEMASA BERUSAHA MENINGKATKAN PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN MEREKA, KATANYA. - LAGI.

1816MST 30 04 88

0148

U B935 DEB
MAHATHIR-PEKERJA 2 KUALA LUMPUR

+SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN, SEGALA TINGKAH-LAKU DAN AMALAN KITA MESTILAH SESUAI DENGAN TARAF KEMAJUAN DAN USAHA PENINGKATAN,+ TAMBAH PERDANA MENTERI.

MENTERI BURUH ENCIK LEE KIM SAI DALAM PERUTUSAN BELIAU BERHARAP KERJASAMA YANG ERAT DI ANTARA PARA MAJIKAN DAN PEKERJA AKAN DIPERKUKUHKAN LAGI BAGI MENGEKAL ATAU MEMPERTINGKATKAN LAGI KADAR PENCAPAIAN EKONOMI YANG DIRAMALKAN AKAN MENCAPAI EMPAT PERATUS TAHUN INI.

BELIAU BERKATA SUASANA PERUSAHAAN YANG HARMONI SEDEMIKIAN AKAN MENOLONG USAHA KERAJAAN UNTUK MENARIK PELABURAN ASING.

MENURUT BELIAU LAGI KEDUA-DUA PIHAK HARUS MENJADI LEBIH INNOVATIF DALAM MEMBUAT PENYESUAIAN SEMULA DALAM USAHA MEMPERTINGKATKAN LAGI KEMAHIRAN DAN PRODUKTIVITI. - LAGI.

1817MST 30 04 88

0150

0223

U E006 AAE
MAHATHIR-INFORMATION 3 KUALA LUMPUR

SOME WERE FOLLOWING ONE GROUP WHILE OTHERS WERE SUPPORTING LEADERS ELECTED BY UMNO MEMBERS AND THE EFFORTS TO DIVIDE UMNO WERE STILL CONTINUED BY CERTAIN QUARTERS, HE ADDED.

DATUK SERI DR MAHATHIR SAID HE PERSONALLY WAS NOT WORRIED BECAUSE THE MAJORITY OF UMNO MEMBERS SUPPORTED THE ACTIONS TAKEN BY HIM IN SETTING UP UMNO BARU.

HOWEVER, IN CONSTITUENCIES WHERE UMNO HAD WON WITH SLIM MARGINS, THE ACTIONS OF THIS GROUP MIGHT CAUSE UMNO TO LOSE IF AN ELECTION WAS HELD, HE ADDED.

BY THEIR ACTIONS, THEY APPEARED TO WANT UMNO TO LOSE AND CONCEDE DEFEAT TO PAS, HE ADDED.

DATUK SERI DR MAHATHIR SAID HE WOULD STILL REMAIN THE UMNO PRESIDENT EVEN IF THE PARTY'S 1984 GENERAL ASSEMBLY ELECTIONS OUTCOME WAS TAKEN INTO CONSIDERATION AS HE WAS THEN STILL CHOSEN THE PARTY PRESIDENT. -- MORE
2359MST 30 04 88

0225

U E007 AAE
MAHATHIR-INFORMATION 4 KUALA LUMPUR

ON REPORTS THAT A CERTAIN MEMBER OF PARLIAMENT WANTS TO BE AN INDEPENDENT, DATUK SERI DR MAHATHIR FELT THE PERSON CONCERNED WAS NO LONGER AN UMNO MEMBER.

+AT ONE TIME IN THE PAST, ALL HAD SIGNED AN AGREEMENT PLEDGING NOT TO SWITCH TO ANOTHER PARTY BUT IT SEEMS THIS AGREEMENT NO LONGER HOLDS,+ HE ADDED.

ABOUT 1,500 OFFICERS ATTENDED THE THREE-HOUR BRIEFING. ALSO PRESENT WERE DEPUTY PRIME MINISTER GHAFAR BABA, INFORMATION MINISTER DATUK MOHAMAD RAHMAT, OTHER MINISTERS, DEPUTY MINISTERS AND PARLIAMENTARY SECRETARIES.

DATUK SERI DR MAHATHIR AND HIS WIFE LATER JOINED THOSE PRESENT FOR THE BREAKING OF THE FAST AND PERFORMANCE OF THE MAGHRIB PRAYERS AT THE BUILDING'S SURAU.

HE LATER HAD A LOOK AT THE STAGE FOR THE INTERNATIONAL QURANIC RECITERS EXAMINATION AND ASSEMBLY IN THE DEWAN MERDEKA. -- BERNAMA
0003MST 01 05 88